

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta PERDANA
MENTERI menyatakan SOP atau Prosedur Operasi Standard bagi
setiap syarikat pengangkutan bas dalam pengambilan pemandu.**

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Salah satu syarat lesen bagi pengendali bas adalah pematuhan kepada garis panduan SPAD ICOP Keselamatan. Lima komponen utama di bawah SPAD ICOP Keselamatan ialah:

- (i) Kepimpinan keselamatan;
- (ii) Pengurusan pemandu;
- (iii) Pengurusan kenderaan;
- (iv) Pengurusan rekod; dan
- (v) Pengurusan risiko perjalanan.

2. Di bawah keperluan kepimpinan keselamatan, pengendali bas perlu menyediakan prosedur tapisan keselamatan sebelum seseorang pemandu baru dilantik. Tapisan ini hendaklah merangkumi semakan rekod pengkalan data kesalahan trafik dan rekod jenayah dengan agensi berwajib iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).

3. Selain itu, pengendali bas juga perlu memastikan calon pemandu menjalani pemeriksaan kesihatan. Pengendali bas turut dikehendaki menyemak kesahihan Lesen Memandu Kompeten (*Competent Driver's License* - CDL) dan Lesen Kenderaan Perkhidmatan (*Public Service Vehicle License* - PSV).

Sekian, terima kasih.